

RANCANGAN PEMAJUAN NASIONAL



Menuju kesejahteraan rakyat Malaysia

KUALA LUMPUR - NOV.

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia telah menyediakan Rancangan Pemajuan Nasional yang mengangku Rancangan Fizikal Negara Ke-3 (RFN Ke-3), Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) dalam menuju ke arah menjadi sebuah negara maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi, fizikal, sosial dan alam sekitar serta memastikan pertumbuhan yang berterusan selepas tahun 2020 untuk segenap ceruk tanah air iaitu bagi kawasan bandar dan desa.

Pelbagai usaha telah dibuat bagi memastikan hasrat Kerajaan ini dapat dicapai dengan jayanya mengikut perancangan.

Menurut YB Tan Sri Noh Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan komitmen daripada semua agensi sama ada Kerajaan, Swasta, NGO dan juga rakyat amat diperlukan bagi merealisasikan Malaysia yang Sejahtera. Penyediaan Rancangan



Semua pihak sama ada Kerajaan, Swasta, NGO dan juga rakyat harus memberikan komitmen bagi merealisasikan rancangan Malaysia yang sejahtera ini"

TAN SRI NOH OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Pemajuan Nasional telah melalui beberapa proses rundingan dan perbincangan melibatkan pelbagai agensi dari peringkat persekutuan, negeri dan tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan, IPTA dan orang awam.

Bertujuan bagi memastikan ketiga-tiga dokumen ini dapat diterjemahkan dengan lebih tepat dan dijadikan sebagai dokumen perancangan fizikal bersama agensi-agensi berkaitan dan rakyat bagi

mengimbangi pembangunan perbandaran dan desa di Malaysia.

Ketiga-tiga dokumen ini turut mengambil kira dan menterjemahkan dasar dan halatuju pembangunan kerajaan persekutuan meliputi Bidang Keberhasilan Utama Negara, Program Transformasi Ekonomi, Rancangan Malaysia 5 tahun serta komitmen peringkat global Sustainable Development Goals (SDGs) dan New Urban Agenda (NUA).



YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri KPkt semasa Karnival KPkt 2016 untuk Pra Pelancaran RFN Ke-3 dan DPN2 pada 3 Disember 2016 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Malaysia ke arah tahun 2040

MENJELANG tahun 2040, Malaysia dijangka akan mencatat pertumbuhan penduduk yang mencapai jumlah 46.1 juta penduduk dengan purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 1.67%. Perancangan fizikal untuk mengurus senario pembangunan dan perubahan yang ketara di Malaysia adalah penting bagi menjadikan sebuah negara yang berdaya tahan dan berdaya huni.

Sementara itu, Datuk Haji Mohammad Mentek, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan negara juga akan menjadi negara menua (ageing population) menjelang tahun 2040 di mana 19.8% penduduk berada dalam kumpulan umur 60 tahun dan ke atas berbanding 9.24% pada tahun 2015. Ini akan memberi tekanan kepada perkhidmatan kesihatan dan perancangan fizikal yang perlu memenuhi keperluan mereka.

Hasrat Malaysia adalah untuk



Perancangan fizikal yang perlu memenuhi keperluan penduduk menjelang tahun 2040 di mana 19.8% akan berumur 60 tahun dan ke atas."

DATUK HAJI MOHAMMAD BIN MENTEK
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SASARAN RFN KE-3 TAHUN 2040
46.1 juta
orang (Malaysia)

Purata pertumbuhan penduduk tahunan 2015-
KPPT 1.67%

menjadi sebuah negara maju, progresif dan inklusif dari segi ekonomi serta memastikan pertumbuhan yang berterusan selepas tahun 2020. Pembangunan negara juga akan tertumpu kepada kesejahteraan rakyat dan kualiti hidup, kemampuan,

struktur ekonomi serta daya tahan dan kualiti kerja.

Pendapatan isi rumah yang lebih tinggi akan meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Selaras dengan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), meningkatkan taraf isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah telah dikenalpasti sebagai antara sasaran dalam mencapai status Negara Maju dan Berpendapatan Tinggi. Ke arah ini, usaha-usaha yang dikenalpasti adalah seperti meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah, menangani kos sara hidup yang meningkat dan juga memperkuatkkan sistem penyampaian program isi rumah B40.

Penentuan sempadan bandar di Malaysia

PERTUMBUHAN bandar yang pesat telah mewujudkan cabaran baru yang memerlukan satu perancangan dan pengurusan bandar yang lebih sistematik, terancang dan cekap bagi memastikan perkembangan dan persekitaran bandar yang harmoni dan komuniti yang sejahtera.

Potensi perkebangan bandar perlu dirancang dengan sebaik mungkin selaras dengan perubahan teknologi dan cabaran globalisasi supaya dapat memberi sumbangsih yang maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dato' TPr Dr. Dolbani Mijan, Ketua Pengarah PlanMalaysia Ke-15 mengakui bahawa isu rebakkan bandar (urban sprawl) di Malaysia akan dapat ditangani

melalui strategi berkaitan penentuan sempadan bandar seperti yang terkandung di dalam DPN2.

Pada tahun 2025, sebanyak 314 bandar di Malaysia akan mempunyai sempadan bandar yang jelas yang mana akan menyelesaikan masalah kepada penyediaan kemudahan pendidikan, kemudahan kesihatan, kemudahan keselamatan dan sebagainya.

Tiada seorang rakyat pun patut tertinggal dalam mendapatkan

kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Rakyat sepertinya boleh mendapatkan kemudahan dalam jarak berjalan kaki (400 meter) yang mana akan mengurangkan pergerakan dengan menggunakan kendaraan bermotor. Penyediaan sistem pengangkutan awam yang efisien dan mampu tanggung akan mengurangkan kos sara hidup rakyat dan mengurangkan pelepasan karbon yang boleh memudaratkan alam sekitar.

Hasrat Malaysia adalah untuk

merangkumi semua lapisan ma-

syarakat termasuk golongan OKU

dan golongan miskin selain dapat

mengubah budaya komuniti yang

sebahagiannya lebih cenderung

menunggu atau bergantung kepada

agenzia-agenzia berwajib sahaja bagi

membangunkan kawasan desa/kampung.

Dengan ini, peranan kerajaan

adalah minimum dan tidak perlu

'membandarkan' desa tetapi

memastikan segala kemudahan

di bandar dapat disediakan dan

dinikmati oleh komuniti desa.



Konsep Pembangunan Pekan DPF Desa Negara



- Petempatan**
- Pembangunan ekonomi**
- Kemudahan prasarana**
- Pusat perkhidmatan**
- Pembangunan manusia**

DAYA TARIKAN DESA

- Tenang & nyaman
- Selamat
- Kepadatan rendah
- Kos sara hidup rendah
- Semula jadi & hijau
- Mesra
- Tradisional
- Komuniti
- Keluarga
- Homeogenous



DAYA TARIKAN BANDAR

- Peluang ekonomi
- Peluang pekerjaan
- Modern
- Canggih
- Lengkap
- Hiburan
- Kemeriahan



Tidak perlu 'membandarkan' desa tetapi memastikan segala kemudahan di bandar dapat disediakan dan dinikmati oleh komuniti desa."

YBHg. DATU' TPR ZAINUDDIN AHAMED
Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

Projek luar biasa, bertaraf dunia

SELAIN pengurusan kawasan bandar yang mampan, kerajaan juga menjadikan kawasan desa sebagai fokus perancangan utama negara kerana kerana proses globalisasi yang mengakibatkan desa-desa di pinggir bandar mengalami tekanan pembangunan yang tinggi.

Dalam usaha melaksanakan strategi-strategi yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam RMKe-11, DPF Desa Negara menggariskan dasar-dasar dan strategi bagi memastikan kawasan desa dipulihara dan dikawal melalui pelaksanaan penandaan

desa dengan menjadikannya sebagai tempat tinggal pilihan kerana faktor keindahan dan ketenangan desa serta disokong oleh peluang pekerjaan dan kemudahan awam yang baik.



Perkasakan komuniti pemangkin pembangunan desa

KOMUNITI desa bertanggungjawab serta memainkan peranan penting untuk mementukan dan merangka tindakan pembangunan melalui penglibatan secara aktif dan peranan utama dalam urus tadbir desa bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk dan didapati tepat dan selaras dengan tanggungjawab jabatan yang memberi nisah perancangan di ketiga-tiga peringkat kerajaan iaitu Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Menurut Dato' TPr Zainuddin Ahamed, Ketua Pengarah PlanMalaysia pemerksaan komuniti desa memberi manfaat kepada pembangunan sosial komuniti yang

merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk golongan OKU

dan golongan miskin selain dapat

mengubah budaya komuniti yang

sebahagiannya lebih cenderung

menunggu atau bergantung kepada

agenzia-agenzia berwajib sahaja bagi

membangunkan kawasan desa/kampung.

Dengan ini, peranan kerajaan

adalah minimum dan tidak perlu

'membandarkan' desa tetapi

memastikan segala kemudahan

di bandar dapat disediakan dan

dinikmati oleh komuniti desa.